



ACCELERATOR PROGRAMME FOR CONSTRUCTION ENTREPRENEURS (ACE)

FAQ

SOALAN LAZIM

1. Apakah Program ACE?

Program ACE atau **ACE – Accelerator Programme For Construction Entrepreneurs** adalah program pembangunan usahawan kontraktor generasi baru hasil dari inisiatif Kerajaan Malaysia melalui Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) dengan kerjasama Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) di bawah Pelan Belanjawan Negara 2022 khusus kepada graduan Bumiputera TVET & kontraktor belia Bumiputera gred G1 hingga G4 melalui kursus peningkatan kapasiti dan *On-job Training* (OJT).

Program ini bertujuan untuk melahirkan usahawan kontraktor alaf baru yang berpengetahuan, berkualiti, kompeten, berdaya saing dan berupaya memacu industri pembinaan Malaysia.

2. Siapakah Kumpulan Sasaran Peserta Program?

ACE terbuka kepada **2 kategori** penyertaan dengan syarat seperti berikut:

Kategori 1: Kontraktor Gred G1-G4	Kategori 2: Graduan TVET Pembinaan
<ol style="list-style-type: none">Pengarah atau pemilik syarikat kontraktor yang berdaftar dengan CIDB bagi gred G1,G2,G3,G4 yang memiliki:<ol style="list-style-type: none">Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK);Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK); &Sijil Taraf Bumiputera (STB) yang masih sahWarganegara Malaysia bertaraf Bumiputera	<ol style="list-style-type: none">Warganegara Malaysia bertaraf BumiputeraBelia berusia 21 – 40 tahun (mengikut tarikh lahir)Graduan lepasan TVET Pembinaan (Sijil Kemahiran/ Diploma/ Sarjana Muda/ Sarjana) yang diiktiraf oleh Kerajaan MalaysiaTidak pernah berdaftar sebagai kontraktor di CIDBTidak Mufliis

Kategori 1: Kontraktor Gred G1-G4	Kategori 2: Graduan TVET Pembinaan
3. Berumur 25 – 40 tahun (mengikut tarikh lahir) 4. Keutamaan kepada sekurang-kurangnya yang mempunyai Sijil Kompetensi Kemahiran Pembinaan (SKKP) atau setaraf 5. Tidak Muflis (Syarikat/Pemilik) <i>*Untuk Kontraktor gred G1: Telah menyertai MCORE dan mempunyai sijil MCORE yang sah Manakala bagi Kontraktor gred G2 – G4: Mempunyai sijil SCORE dengan penarafan sekurang-kurangnya 2 Bintang</i>	

3. Apakah Format Program Ini?

Sila rujuk carta alir di bawah.





ACCELERATOR PROGRAMME FOR CONSTRUCTION ENTREPRENEURS (ACE)

4. Adakah penyertaan program ini dikira sebagai tajaan dan peserta akan terikat dengan perjanjian kontrak?

Ya, ini merupakan program tajaan Kerajaan Malaysia dan peserta akan diminta menandatangani satu akujanji yang mengikat peserta dengan terma dan syarat yang ditetapkan. Tempoh kontrak adalah sehingga tamat program. Setiap peserta diperlukan untuk memberikan komitmen dalam menyertai program yang ditetapkan.

5. Apakah manfaat yang diterima melalui program ini?

Antara manfaat program ini adalah:

- a. Tajaan latihan berstruktur, Persijilan Kompetensi dan Persijilan Pengurusan Kontraktor .
- b. Elaun bulanan dibayar mengikut kategori dalam tempoh kursus dan *OJT* sahaja.
- c. Peserta yang berjaya menamatkan program latihan dengan cemerlang berpotensi untuk dianugerahkan projek pembinaan mengikut gred pendaftaran oleh Kementerian atau Jabatan yang telah dikenalpasti.
- d. Bagi kategori graduan TVET Pembinaan, peserta akan dibimbing untuk menubuhkan dan mendaftarkan syarikat pembinaan.

**Semua perkara di atas tertakluk kepada terma dan syarat yang ditetapkan.*

6. Dimanakah lokasi latihan akan dijalankan?

Program akan dilaksanakan di seluruh negara mengikut wilayah iaitu Wilayah Tengah, Selatan, Utara, Timur, Sabah dan Sarawak.

7. Apakah jenis latihan yang akan diterima sepanjang program?

Latihan berstruktur yang telah dirangka meliputi:

- a. Pengurusan perniagaan, perolehan dan kewangan.
- b. Penyeliaan dan pengurusan projek.
- c. Latihan kompetensi kemahiran.
- d. Kursus pengurusan kontraktor.
- e. Kursus keselamatan dan kesihatan pekerjaan.
- f. Kursus jati diri.



ACCELERATOR PROGRAMME FOR CONSTRUCTION ENTREPRENEURS (ACE)

8. Adakah peserta akan menerima elaun penyertaan program?

Ya, peserta akan menerima elaun bulanan berjumlah RM1,300.00 mengikut terma dan syarat program.

9. Bagaimanakah peserta boleh memohon?

Permohonan boleh dibuat melalui secara atas talian [[Klik di SINI](#)]. Sila pastikan anda telah bersedia dengan semua salinan dokumen berkaitan untuk dimuat naik ke dalam sistem permohonan ACE.

Senarai salinan dokumen yang **wajib** untuk dimuat naik:

Kategori 1: Kontraktor Gred G1-G4	Kategori 2: Graduan TVET Pembinaan
<ol style="list-style-type: none">1. Gambar Berukuran Pasport2. Salinan Kad Pengenalan3. Salinan SSM (e-info)4. Salinan Sijil MSCORE (Bagi Gred G1) atau Salinan Sijil SCORE (Bagi Gred G2-G4)5. Salinan Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK)6. Salinan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)7. Salinan Sijil Taraf Bumiputera (STB)8. Penyata Kewangan syarikat 3 bulan terkini	<ol style="list-style-type: none">1. Gambar Berukuran Pasport2. Salinan Kad Pengenalan3. Salinan Sijil Kemahiran/ Diploma/ Sarjana Muda/ Sarjana yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia

10. Bagaimana peserta boleh menyemak status permohonan?

Pemakluman kepada peserta yang berjaya akan dibuat melalui medium terpilih. Sekiranya anda tidak menerima apa – apa pemakluman selepas 90 hari dari tarikh permohonan, permohonan anda dianggap TIDAK BERJAYA.



ACCELERATOR PROGRAMME FOR CONSTRUCTION ENTREPRENEURS (ACE)

11. Berapakah jumlah peserta yang akan diambil untuk menyertai program ini?

Anggaran peserta program ACE adalah seramai 300 orang peserta.

12. Berapa lamakah durasi program ACE ini?

Durasi program ini adalah :

- i. Latihan berstruktur – 2 setengah bulan
- ii. *On Job Training* – 3 bulan (sekiranya berkaitan)
- iii. Pelaksanaan projek – bergantung pada tempoh masa dalam surat tawaran kerja

13. Bilakah tarikh tutup permohonan?

Tarikh tutup permohonan adalah pada **15 April 2022**

Sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi sekretariat program:

No Tel : 03 – 4042 8880
Emel : ace@cidb.gov.my
Laman : www.aceprogramme.my
Sesawang